

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 25 FEBRUARI 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L15651
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengenakan sekatan tegas terhadap akses media sosial bagi kanak-kanak bawah 16 tahun serta mewajibkan pemutihan kandungan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mengekang unsur berbahaya yang menjejaskan keselamatan dan kesihatan mental mereka.

2. PN-1551-L16434
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk memperkasakan pelaksanaan program sukarelawan di peringkat antarabangsa.

3. PN-1551-L15608
Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor serta dasar ekonomi yang menyumbang kepada pengiktirafan Ringgit Malaysia sebagai antara mata wang terkuat di Asia dengan peningkatan tertinggi berbanding mata wang serantau yang lain.

4. PN-1551-L16056
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah usaha Kerajaan pada masa ini mencukupi bagi memastikan kesesuaian kemahiran graduan institusi pengajian tinggi dengan keperluan dan permintaan pekerjaan pada masa hadapan khususnya dalam menghadapi penggunaan teknologi digital yang berkembang pesat dalam arus teknologi moden.

5. PN-1551-L16034

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah kemajuan semasa pelaksanaan projek tebatan banjir Sungai Langat/Hulu Langat, serta apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan, khususnya dari aspek penyediaan reka bentuk, pengambilan tanah dan proses tender; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk memperketatkan syarat kelulusan pembangunan, khususnya berkaitan pelan induk saliran (drainage masterplan) dan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP), di lembangan Sungai Selangor bagi mengelakkan pembangunan baharu daripada memburukkan kejadian banjir kilat.

6. PN-1551-L16004

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah usahawan wanita India yang menerima pembiayaan daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi setiap tahun dari 2017 hingga 2025, termasuk bilangan peminjam baharu setiap tahun. Nyatakan kategori perniagaan atau keusahawanan yang diceburi oleh mereka, serta galakan atau sokongan lain selain pembiayaan yang telah diberikan kepada mereka.

7. PN-1551-L15701

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada telah dilakukan penilaian Program Latihan Khidmat Negara 3.0 dan apakah peningkatan serta penambahbaikan yang dapat dicapai melalui program tersebut.

8. PN-1551-L16176

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan pelepasan terminal KLIA1 dan KLIA2.

9. PN-1551-L16368

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk membuka prasekolah di semua sekolah rendah, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan prasekolah wajib bagi semua pelajar sebagai persediaan ke Tahun 1.

10. PN-1551-L16200

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah terbaik Jabatan Kerja Raya dalam menaik taraf jalan Lebuhraya Persekutuan agar keadaan *pavement*, garis jalan, geometri dan perabot jalan dipastikan selamat untuk pengguna serta meminimumkan kes kemalangan maut di Jalan Persekutuan.

11. PN-1551-L15779

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) sama ada Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya dan pihak industri yang berkepentingan untuk menyemak dan merasionalisasikan had muatan dan had berat gandar kenderaan komersial yang sedia ada supaya mencerminkan spesifikasi kenderaan moden dan piawaian kejuruteraan semasa ; dan

(b) apakah garis masa bagi semakan tersebut.

12. PN-1551-L16089

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan penilaian Kerajaan mengenai kecenderungan mutakhir perbincangan awam mengenai isu wilayah dan hak negeri termasuk melibatkan Sabah dan Sarawak yang semakin beralih daripada wacana dasar dan perlembagaan kepada naratif beremosi di media sosial sehingga berpotensi mencetuskan salah faham, prasangka dan ketegangan antara komuniti serta wilayah.

13. PN-1551-L15720

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara melalui pemilikan kelengkapan pertahanan yang moden dan canggih seperti dron dan sistem peluru berpandu, serta adakah Malaysia memiliki keupayaan dan kelengkapan pertahanan tersebut bagi menjamin keselamatan negara.

14. PN-1551-L15868

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan profesional berkemahiran tinggi yang telah berhijrah keluar negara sejak lima tahun lalu dan apakah sebab-sebab utama penghijrahan mereka.

15. PN-1551-L16385
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil oleh Kementerian bersama Meta, TikTok dan platform digital seumpamanya dalam usaha membanteras penipuan digital berasaskan kecerdasan buatan melalui pelaksanaan kempen kesedaran masyarakat.
16. PN-1551-L15598
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi memastikan kebajikan atlet termasuk elaun, latihan dan jaminan kerjaya selepas persaraan.
17. PN-1551-L15927
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah jangka panjang untuk memperkukuh disiplin dan integriti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) supaya sebarang insiden melibatkan anggota dan pegawai tidak menjejaskan imej serta kepercayaan rakyat terhadap angkatan pertahanan negara.
18. PN-1551-L16155
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
(a) adakah Akta Perolehan Kerajaan 2025 terpakai kepada perolehan ketenteraan dan pertahanan; dan
(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahbaik akauntabiliti dan ketelusan dalam perbelanjaan perolehan ketenteraan dan pertahanan.
19. PN-1551-L15660
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kemerosotan kadar kelahiran dalam kalangan rakyat Malaysia supaya negara tidak berhadapan dengan masalah ini pada masa akan datang yang kritikal dihadapi, terutamanya dalam kalangan negara-negara maju.

20. PN-1551-L15846

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan Malaysia bersedia mengkaji semula Syarat Ambilan Khas bagi kemasukan ke Institut Pendidikan Guru untuk calon daripada komuniti Orang Asli khususnya berhubung keperluan gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris memandangkan Bahasa Inggeris merupakan bahasa ketiga bagi kebanyakan masyarakat Orang Asli serta adakah terdapat pelonggaran syarat atau laluan khas bersyarat boleh dipertimbangkan.

21. PN-1551-L15838

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah alternatif oleh Kementerian dalam memastikan pemain industri jenama makanan dan minuman (F&B) tempatan iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilindungi daripada ledakan kehadiran jenama luar negara yang menguasai pasaran domestik.

22. PN-1551-L15812

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dasar dan peruntukan khusus yang disediakan untuk meningkatkan keselamatan pengangkutan sungai serta memudahkan kebolehcapaian penduduk pedalaman Sarawak ke pusat-pusat perkhidmatan asas dan apakah perkhidmatan pengangkutan yang disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan tersebut.

23. PN-1551-L15773

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempermudah proses permohonan dan kelulusan pengambilan pekerja asing, memandangkan kaji selidik ACCCIM menunjukkan proses tersebut masih dilihat kompleks, panjang, dan terhad.

24. PN-1551-L15657

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk meneruskan semula inisiatif pembakuan sebutan dalam Bahasa Melayu sebagaimana yang pernah dilaksanakan sebelum ini bagi membolehkan Bahasa Melayu berperanan sebagai lingua franca yang dipertuturkan secara hampir seragam oleh penuturnya dalam kalangan negara ASEAN.

25. PN-1551-L15703

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif proaktif tanpa stigma yang telah diintegrasikan untuk sokongan kesihatan mental belia dalam rangka kerja kebangsaan dan bagaimanakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta NGO bagi menyediakan kaunseling, rangkaian sokongan dan ruang selamat untuk belia di bandar dan luar bandar.

26. PN-1551-L16232

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik terkini golongan ibu tunggal dan apakah usaha Kerajaan dalam membantu golongan ibu tunggal menjana pendapatan dan meningkatkan kemahiran bagi mendepani cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat.

27. PN-1551-L15897

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan kriteria teknikal dalam pemilihan konsultan bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berkeutamaan tinggi serta langkah penambahbaikan sistem penilaian prestasi bagi memastikan isu kelewatan reka bentuk tidak berulang dan merugikan masa pelaksanaan projek perlindungan rakyat.

28. PN-1551-L15968

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian menyelaras dengan pihak industri dan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar pengangguran di Sabah, meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan serta memastikan pekerja Sabah diberi keutamaan dalam pelaksanaan projek pembangunan ekonomi negeri; dan
- (b) apakah inisiatif terkini Kementerian untuk merangsang peluang pekerjaan dan menarik pelaburan ke Sabah khususnya dalam sektor bernilai tambah seperti teknologi, industri pemprosesan dan pelancongan sejajar dengan matlamat pertumbuhan mampan.

29. PN-1551-L15533

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh agensi di bawah Kementerian bagi membantu usahawan Bumiputera Siam sejak tahun 2023; dan

- (b) apakah inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera Siam dalam bidang keusahawanan serta Industri Kecil dan Sederhana.
30. PN-1551-L15950
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memulihkan integriti institusi serta memperbaiki imej pertahanan negara susulan beberapa kes rasuah yang melibatkan pegawai atasan dan kini sedang dibicarakan di mahkamah.
31. PN-1551-L16083
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perubahan struktur ekonomi yang sedang dilaksanakan bagi memastikan Malaysia tidak terus terperangkap sebagai negara berpendapatan sederhana memandangkan negara-negara serantau lain menunjukkan peralihan yang lebih pantas ke arah ekonomi bernilai tinggi.
32. PN-1551-L16058
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah yang Kerajaan laksanakan sekarang ini termasuk penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada ini berupaya menangani isu keselamatan siber, penipuan digital, fitnah dan berita palsu serta ekstremisme ; dan
- (b) adakah sebarang data bagi menunjukkan penurunan kadar kegiatan yang disebutkan ini dari semasa ke semasa kesan daripada tindakan penguatkuasaan.
33. PN-1551-L15708
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah tindakan konkrit Kementerian untuk mempercepatkan reformasi struktur seperti meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan, untuk menarik pelaburan berkualiti dan berteknologi tinggi bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam rantai nilai global memandangkan persaingan serantau untuk pelaburan terutamanya dari Vietnam dan Indonesia.

34. PN-1551-L16306
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah komprehensif Kerajaan dalam menangani keciciran pendidikan awal, prestasi akademik rendah dan kadar kemasukan rendah ke institusi pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar India daripada keluarga B40.
35. PN-1551-L16195
Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah paling berkesan menangani isu ketirisan minyak masak peket bersubsidi serta bagaimana Kerajaan memastikan bajet tahunan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak Bersubsidi (COSS) diurus dengan cekap dan bermakna untuk golongan sasaran.
36. PN-1551-L16379
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan program sedia ada dalam memupuk budaya bersukan dalam kalangan belia serta perancangan penambahbaikan di kawasan bandar dan luar bandar.
37. PN-1551-L15585
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) tindakan konkrit dan jumlah peruntukan bagi mengurangkan keganasan rumah tangga, termasuk infrastruktur pusat perlindungan dan sistem sokongan; dan
 - (b) bagaimana Kementerian bekerjasama dengan pihak NGO dan PBT untuk pencegahan keganasan berasaskan komuniti dan memberi bantuan pemulihan kepada mangsa.
38. PN-1551-L16017
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan indikator khusus yang digunakan Kementerian Ekonomi untuk mengukur kejayaan dasar ekonomi selain kadar pertumbuhan semata-mata.

39. PN-1551-L16168

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi meningkatkan perancangan kapasiti rangkaian termasuk pengurusan trafik dan kesiapsiagaan rangkaian khususnya semasa musim perayaan, acara besar serta menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

40. PN-1551-L15742

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian bagi 12 bulan akan datang untuk mengurangkan isu gangguan berulang, kerosakan, kelewatan dan kesesakan sistem LRT dan MRT termasuk jadual penyelenggaraan berkala, peruntukan kewangan, tanggungjawab pihak operator serta mekanisme pampasan kos perjalanan harian kepada pengguna yang terkesan.

41. PN-1551-L15618

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status perancangan pengembangan tenaga boleh baharu di Sabah.

42. PN-1551-L15759

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan strategik Kementerian untuk mencegah golongan belia daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan aktiviti judi dalam talian serta sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

43. PN-1551-L15938

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peranan Malaysia dalam Kerjasama Industri Pertahanan ASEAN termasuk peluang pembangunan bersama, pemindahan teknologi dan penglibatan dalam rantaian bekalan industri pertahanan serantau.

44. PN-1551-L16326

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan bagi menyelesaikan isu Wang Tak Dituntut (WTD) berjumlah RM13.3 bilion setakat April 2025 memandangkan pelbagai kempen dan program kesedaran telah dilaksanakan namun jumlah tersebut masih tinggi.

45. PN-1551-L16400
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan polisi semasa berkaitan kesihatan mental ibu bapa, serta bagaimana Kementerian membezakan antara kes pengabaian sebenar seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 31 Akta Kanak-kanak dan kes-kes lain yang mungkin disebabkan oleh lain-lain faktor mendesak.
46. PN-1551-L16354
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan komited untuk tidak membebankan rakyat dalam usaha memperkukuh kedudukan fiskal negara.
47. PN-1551-L16170
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah tahap pemantauan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan oleh Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terhadap infrastruktur gentian optik di Sarawak termasuk keperluan penyedia perkhidmatan menyediakan laluan sokongan (redundant routes) bagi mengurangkan gangguan akibat kejadian *fiber cut*.
48. PN-1551-L16277
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Kementerian menangani isu 'kemiskinan bandar' di mana kos logistik ke sekolah sering menjadi penghalang utama; dan
 - (b) adakah Kerajaan bersedia memperkenalkan subsidi pengangkutan sekolah khusus di bawah kerangka Rancangan Pendidikan Negara.
49. PN-1551-L16121
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah mekanisme pemantauan, penilaian prestasi serta langkah-langkah intervensi yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas berada pada landasan yang ditetapkan khususnya dalam mencapai sasaran Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan tidak lagi berterusan berada di *middle income trap*.

50. PN-1551-L16327

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan tegas yang diambil susulan penyalahgunaan aplikasi AI Grok yang berulang kali menjana kandungan lucah dan seksual eksplisit.

51. PN-1551-L16291

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan komprehensif dan kesiapsiagaan Kerajaan bagi melaksanakan penstrukturan semula umur kemasukan murid ke sistem pendidikan formal negara dengan prasekolah ditetapkan bermula pada umur lima tahun dan Tahun Satu pada umur enam tahun, berkuat kuasa mulai tahun 2027 bergantung kepada kesediaan ibu bapa.

52. PN-1551-L16416

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan E-Sukan khususnya tempoh perniagaan lesen perniagaan pusat E-Sukan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan memastikan sokongan penuh kepada pemain-pemain E-Sukan.

53. PN-1551-L16303

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada pelan ekonomi masa depan negara benar-benar mengambil kira kesan automasi dan kecerdasan buatan terhadap struktur pekerjaan dan keselamatan pendapatan rakyat.

54. PN-1551-L16269

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah pembersihan sistemik yang sedang dilakukan untuk memulihkan moral anggota bawahan dan memastikan rantaian arahan perolehan tidak lagi terdedah kepada pengaruh kronisme dan orang tengah.

55. PN-1551-L16072

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Tribunal Cukai sepertimana yang dilaksanakan di United Kingdom dan Hong Kong serta melakukan pindaan terhadap Seksyen 103 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi membolehkan penangguhan kutipan cukai semasa proses rayuan; dan

- (b) menyatakan jadual pecahan tahunan komitmen tertunggak di bawah TBBC berbanding jumlah bayaran yang telah dikreditkan mengikut tahun bagi tempoh 2020 hingga 2025, serta unjuran pampasan faedah sebanyak 2 peratus di bawah Seksyen 111D bagi tahun 2026.

56. PN-1551-L15807

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah pendekatan khusus Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia semasa, bagi merapatkan jurang sosioekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman Sarawak; dan
- (b) adakah Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) akan diteruskan termasuk peruntukan yang disediakan bagi program tersebut serta langkah untuk memudahkan syarat permohonannya.

57. PN-1551-L16016

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan terhadap syarikat penerbangan yang kerap menanggunghkan atau membatalkan penerbangan tanpa pampasan munasabah kepada penumpang.

58. PN-1551-L16028

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah literasi kecerdasan buatan (AI) sedang diintegrasikan ke dalam kurikulum sekolah bagi menyediakan bakat masa depan yang berkemahiran tinggi dalam bidang digital termasuk penilaian keberkesanan program tersebut dalam menyediakan kemahiran digital yang relevan untuk masa hadapan.

59. PN-1551-L15627

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah keseluruhan orang kurang upaya (OKU) yang telah berdaftar di Malaysia sehingga 31 Januari 2026; dan
- (b) pecahan data tersebut mengikut kategori OKU serta mengikut negeri.

60. PN-1551-L16119

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian dalam memastikan pelaksanaan Pendidikan Prasekolah bermula pada kanak-kanak berusia lima tahun dan Tahun Satu bagi kanak-kanak berusia enam dan tujuh tahun dapat dilaksanakan seawal tahun 2027 daripada segi kesediaan bilangan kelas yang mencukupi, bilangan guru dan latihan pengajarannya serta berapakah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi menjayakannya.

61. PN-1551-L15899

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini Kajian Hakisan Pantai Kebangsaan (NCES) memandangkan data tahun 2015 sudah berusia sedekad serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengenal pasti kawasan kritikal baharu bagi memperkukuh daya tahan pantai berikutan impak perubahan iklim semasa.

62. PN-1551-L15553

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedang atau akan menimbang cadangan memperkenalkan penilaian keadaan kesihatan mental bagi ujian ke atas pemandu sebagai mekanisme mengelakkan kemalangan jalan raya.

63. PN-1551-L16341

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah Kementerian menangani jurang digital pendidikan, khususnya akses peranti dan internet bagi pelajar B40 pasca pandemik.

64. PN-1551-L15952

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan hala tuju ekonomi negara dalam memastikan pertumbuhan inklusif khususnya jurang bandar dan luar bandar.

65. PN-1551-L15980

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Tuaran, termasuk status cadangan, peruntukan, garis masa, jenis perkhidmatan, dan bagaimana Kementerian memastikan rakyat mendapat akses mudah kepada semua jabatan Kerajaan yang kini terletak di pekan serta impak sosial-ekonomi optimum.

66. PN-1551-L16249
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha terkini Kementerian untuk meningkatkan kadar pendapatan minimum pekerja gig yang masih rendah.
67. PN-1551-L15645
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil Kerajaan bagi memastikan jumlah guru yang mencukupi susulan kemasukan pelajar lima dan enam tahun sama ada bagi Prasekolah atau Tahun Satu termasuk aspek penempatan, latihan pedagogi awal kanak-kanak serta nisbah guru-murid.
68. PN-1551-L15803
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini kapasiti dan keluasan Rumah Seri Kenangan di seluruh negara khususnya di negeri Kelantan berbanding permohonan warga emas serta langkah Kementerian untuk menangani isu ketidakcukupan tempat dan kepadatan penghuni termasuk penggunaan pusat komuniti seperti PAWE bagi memastikan kesejahteraan warga emas.
69. PN-1551-L16217
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan komprehensif dan tindakan bersepadu oleh pihak Kerajaan dalam menangani unsur pornografi dan LGBT yang disebar dalam pelbagai platform media sosial termasuk X, TikTok dan Instagram.
70. PN-1551-L16099
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mewajibkan pendidikan prasekolah dalam tempoh terdekat dan jika ya, apakah perancangan serta persediaan utama yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar termasuk dari segi kesediaan guru, prasarana pendidikan serta keperluan perundangan dan dasar.
71. PN-1551-L16210
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik kes kemalangan berpunca daripada kerosakan jalan raya yang tidak diselenggarakan secara berkala termasuklah jalan berlubang dan lampu jalan yang tidak berfungsi mengikut negeri-negeri berdasarkan tahun.

72. PN-1551-L15685

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan persediaan serta kesediaan pelaksanaan lonjakan dan reformasi pendidikan di peringkat sekolah, susulan pelancaran Rancangan Pendidikan Malaysia 2026-2035, terutamanya yang berkaitan dengan kemasukan murid tahun satu berusia enam tahun, pelaksanaan penilaian matriks pembelajaran bagi murid tahun empat sekolah rendah, serta penilaian bagi murid tingkatan tiga sekolah menengah.

73. PN-1551-L16046

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan susulan lawatan Perdana Menteri India ke Malaysia dan pengalaman India dalam membangunkan pergerakan koperasi yang pesat dan berkesan. Apakah strategi Kerajaan Malaysia untuk memanfaatkan model koperasi tersebut bagi memperkukuh ekonomi rakyat terutamanya dalam menyokong usahawan kecil dan sederhana (SME) serta komuniti luar bandar.

74. PN-1551-L15792

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah sebenar subsidi yang disalurkan oleh Kerajaan kepada Rapid Rail bagi menampung kerugian sebanyak RM603 juta pada tahun 2025 dan apakah penilaian Kementerian terhadap kemungkinan ketirisan, ketidakcekapan operasi atau pembaziran kos dalam perbelanjaan operasi Rapid Rail yang mencecah RM1.3 bilion setahun.

75. PN-1551-L15590

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan sekolah di seluruh negara mempunyai dewan terbuka atau fasiliti pembelajaran luar bilik darjah yang selamat dan kondusif untuk aktiviti kokurikulum, sukan dan pembelajaran kreatif pelajar.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- Menyambung semula Perbahasan atas masalah [24 Februari 2026]

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|-----------------|--|-------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|--|-------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 4. | (D.R.2/2026) | Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|----------------|---|-------------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | |
|----|------------------|---|---------------------------------|
| 5. | *(D.R.3/2026) | Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 6. | *(D.R.25/2025) | Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] | |
| 7. | *(D.R.19/2024) | Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |
| 8. | (D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 9. | *(D.R.4/2026) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |

10. *(D.R.5/2026) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali
Yang
Pertama**
(Pindaan) (No.2) 2026

[Jabatan Perdana Menteri]

11. *(D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali
Yang
Pertama**
Tambahan (2025) 2026

[Menteri Kewangan]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.